

Headline	TNB jana modal insan terbaik		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Kosmo 2	Page No	36
ArticleSize	424 cm <sup>2</sup>	Journalist	i MAHFUZ
PR Value	RM 11,060		



## TNB jana modal insan terbaik

Mereka melalui satu proses transformasi daripada seorang yang tiada keyakinan, pengalaman dan pengetahuan kepada seorang insan yang bersedia dengan segala cabaran

## MUHAMMAD RAZIF ABDUL RAHMAN

## MAHFUZ MOHAMAD

manusia merupakan pemangkin utama untuk menjadikan Malaysia sebagai se- trik (SL1M-IBE) yang dikendalikan oleh buah negara maju sekali gus sebaris dengan negara maju lain di dunia.

Syarikat utiliti elektrik terbesar negara, Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak terkecuali untuk menjayakan impian tersebut dengan mengaplikasikan sistem pengurusan tenaga kerja yang cekap dan efisien.

Naib Presiden (Sumber Manusia) TNB, Datuk Muhammad Razif Abdul Rahman berkata, pihaknya sentiasa memastikan setiap warga kerjanya dilengkapi kemahiran, ilmu pengetahuan dan jati diri yang

Beliau berkata, ketiga-tiga aspek tersebut mampu menjadikan warga kerja TNB lebih kompeten iaitu dengan menguasai kerja dan persekitarannya.

'Sebab itu, kami sentiasa menambahbaik proses pembangunan modal insan daripada sudut teknikal dan bukan teknikal. Kedua-dua perkara tersebut penting supaya warga kerja TNB dapat menjalankan tugas dengan baik dan seimbang," katanya kepada Kosmo! baru-baru

Hal tersebut bukan sahaja terbatas ke pada warga kerja TNB, malah ia juga

KUALA LUMPUR - Pengurusan sumber meliputi pelatih-pelatih daripada Skim memberi kesan positif kepada peserta. Latihan 1Malaysia-Industri Bekalan Elek-TNB. Ia mula dilaksanakan sejak Julai 2011 hasil cetusan idea Perdana Men teri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

SLIM-IBE diwujudkan bertujuan untuk memperkasakan lulusan universiti dengan kemahiran dan pengalaman yang boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka sekali gus memperoleh pekerjaan

Muhammad Razif berkata, program la tihan selama setahun itu membantu pe-

latih dalam proses mentransformasi diri supaya bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan sebenar.

"Perkara paling penting yang ditekan kan TNB kepada pelatih skim ini ialah mereka akan melalui satu proses transformasi daripada seorang yang tiada ke-

yakinan, pengalaman dan pengetahuan kepada seorang insan yang bersedia de ngan segala cabaran, berkeyakinan tinggi serta sarat dengan pengetahuan alam pe

Menurutnya, tiga daripada maklum balas yang diterima melalui borang kajiselidik yang diedarkan kepada peserta SLIM, secara keseluruhannya ia telah

"Ia meliputi elemen-elemen kompetensi utama yang dinilai iaitu kompetensi teras. kepimpinan dan teknikal," ujarnya.

Menurutnya, tiga kompetensi itu dilihat sebagai elemen yang perlu diberikan tumpuan dalam membina keyakinan diri serta pembangunan sahsiah pelatih dan seterusnya melihat keberkesanan program SLIM-IBE dalam memberikan impak kepada peserta.

Sehingga kini, TNB berjaya melatih seramai 342 orang melalui SL1M-IBE. Daripada jumlah itu, 169 orang dipanggil untuk menjalani temu duga Program Pembangunan Eksekutif Muda (YEDP) sekali gus dilantik sebagai kakitangan tetap.





Headline	TNB jana modal insan terbaik			
MediaTitle	Kosmo			
Date	19 Dec 2013	Language	Malay	
Circulation	115,967	Readership	406,000	
Section	Kosmo 2	Page No	36	
ArticleSize	424 cm <sup>2</sup>	Journalist	i MAHFUZ	
PR Value	RM 11,060			



PENGERUSI TNB, Tan Sri Leo Moggie (dua dari kanan) beramah-mesra dengan peserta kumpulan 3C SL1M-IBE di salah satu majlis anjuran TNB.